

PM: Tiada lagi kasino

(P)

UM 12 NOV 1993

Oleh
AHMAD ABDUL HAMID

LANGKAWI 11 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan tidak akan meluluskan lagi pembinaan kasino di mana-mana tempat di negara ini walau di dalam bot sekalipun.

Katanya, selain yang ada di Genting Highlands sekarang, kerajaan tidak akan melayani sebarang permohonan baru untuk membina kasino di Malaysia.

Serentak dengan itu, beliau menolak andaian bahawa sebuah kasino akan didirikan di Langkawi sebagai usaha menarik lebih ramai pelancong ke pulau ini.

Kata Dr. Mahathir, beliau telah pun menjelaskan bahawa kerajaan tidak ada cadangan untuk meluluskan permohonan mendirikan kasino di Langkawi.

"Saya ingin menegaskan

kan sekali lagi dan untuk kali terakhir bahawa tidak ada kasino akan didirikan di Langkawi atau di mana-mana tempat di Malaysia," kata Perdana Menteri kepada pemberita petang ini di akhir lawatan tugas sehari ke sini.

Menurutnya, Langkawi tidak memerlukan kasino untuk menarik pelancong kerana tanpa kasino pun sudah ramai pelancong datang ke pulau ini.

Katanya, bilangan pelancong ke Langkawi telah meningkat kepada lebih sejuta orang dalam tempoh beberapa tahun sahaja pulau itu diberi taraf bebas cukai.

Keadaan ini, katanya, sama seperti sebelum Langkawi diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas cukai di mana ramai pelancong datang sekalipun harga barang mahal.

"Pertunjukan Udara LIMA '93 dari 7 hingga 12 Disember tahun ini ada

■ Lihat muka 2

PM: Tiada lagi kasino

12 NOV 1993
lah jadi satu faktor yang boleh menambah jumlah pelancong ke Langkawi," ujar beliau.

Menurut Perdana Menteri, secara keseluruhannya sasaran jumlah pelancong ke negara ini ialah seorang pelancong bagi setiap rakyat Malaysia.

Katanya, ini bererti Malaysia memerlukan 20 juta pelancong menjelang tahun 2000 kerana ketika itu rakyat Malaysia dianggarkan 20 juta orang.

Perdana Menteri berkata, sehingga ini jumlah pelancong ke Malaysia adalah sekitar lapan juta setahun dan berharap tahun depan jumlah ini bertambah sempena Tahun Melawat Malaysia 1994.

Terdahulu ketika merasmikan *Tea House* di puncak Gunung Raya beliau berkata, pembangunan di Langkawi telah berjaya khususnya pembangunan pelancongan.

Bernasib baik

Beliau menyifatkan penduduk Langkawi lebih bernasib baik dan lebih mewah daripada penduduk di Tanah Besar dan mahu mereka menyokong usaha pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan di Langkawi.

Menurutnya, pembinaan *Tea House* setinggi 2,500 kaki di atas paras laut adalah satu lagi daya tarikan pelancong terutama dengan adanya jalan raya menghubungkannya ke tempat tersebut.

Projek berharga RM4 juta itu dibangunkan oleh Wood House Sdn. Bhd. yang juga membangunkan beberapa projek lain di Langkawi seperti De

Lima Resort dan Sheraton.

Tea House tersebut menyediakan kemudahan makan minum dan menara untuk pelancong menyaksikan keindahan Pulau Langkawi dari puncak bukit.

Perdana Menteri berharap pemaju akan mengusahakan pembinaan chalet di kawasan tersebut sebagai tempat penginapan pelancong.

Sementara itu, Perdana Menteri mempunyai aturcara ketat sepanjang lawatan hari ini.

Sejurus sampai, beliau melawat tapak Pameran LIMA berhampiran Lapangan Terbang Padang Matsirat dan diberi taklimat oleh Datuk Radzi Manan, Pengerusi Le Proton Lima, penganjur LIMA '93.

Beliau kemudian menghadiri mesyuarat jemaah Pengarah Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) selaku penasihat.

Mesyuarat yang diadakan di Hotel Sheraton itu dipengerusikan oleh Pengerusi Bersama LADA, Tan Sri Osman Aroff yang

juga Menteri Besar Kedah dan Tun Daim Zainuddin.

Jemaah Pengarah LADA yang bermesyuarat hari ini telah meluluskan permohonan pihak swasta untuk mengadakan pelbagai projek pembangunan di Langkawi yang bernilai lebih RM1,000 juta.

Katanya, antara projek itu ialah pembangunan padang golf, chalet, pusat membeli-belah, projek termakan udang dan marina.